



BANJIR melanda Rumah Panjang Harrison dekat pekan Stapang, 40 kilometer dari Sibü berikutan hujan lebat sejak pagi Selasa dan kesan fenomena air pasang besar. - BERNAMA

26 rumah panjang Sarawak dilanda banjir

SIBÜ 2 Dis. - Sebanyak 20 rumah panjang di sepanjang Jalan Nanga Tajam dan Nangka Tamin di sini, tidak boleh dimasuki oleh kenderaan akibat dilanda banjir hari ini.

Jurucakap bomba memberitahu, kawasan penempatan yang terlibat ialah Rumah Panjang (RH) Nuyah, RH Ina, RH Ansa, RH Nicholas Pang, RH Alice, RH Lesia, RH Dato, RH Jimbun, RH Luly, RH Leo Lanting, RH Lawrence Meliyu dan RH Itom.

Katanya, turut terlibat ialah RH Jana, RH Engkut, RH Jentau, RH Dagang, RH Surang, RH Maling, RH Tatom dan RH Nyabong.

"Jalan perhubungan yang terputus itu telah menjejaskan beratus-ratus penduduk daripada kaum

Iban yang mendiami rumah panjang berkenaan.

"Buat masa ini tiada pemindahan dilakukan kerana paras air belum di tahap bahaya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, pihak bomba bersama tentera bagaimanapun tetap membuat pemantauan di kawasan yang terjejas itu dan bersiap sedia menjalankan operasi pemindahan penduduk jika keadaan banjir semakin serius.

Dalam masa sama, katanya, pemantauan turut dilakukan di kawasan penduduk yang terletak berhampiran dengan Sungai Batang Oya di sini, disebabkan paras air yang meningkat naik akibat hujan

yang berterusan melanda bahagian ini.

Selain 20 rumah panjang yang terputus hubungan, katanya, terdapat lima lagi rumah panjang di sekitar Pekan Stapang dan sebuah rumah panjang di bahagian Hulu Batang Oya turut dilanda banjir hari ini.

"Lima rumah panjang di pekan Stapang yang dinaiki air ialah RH Das, RH Harrison, RH Mambang, RH Unggang dan RH Aping, manakala RH Minggu di Hulu Batang Oya.

"Kawasan terlibat dinaiki air sedalam 0.3 hingga 0.9 meter dan semua penduduk diminta berjaga-jaga serta bersiap-sedia untuk berpindah sekiranya diarahkan," ujarnya.